



Kalendar Kegiatan Santai Sastra 2010 anjuran Belia Asas '50

Januari

Bengkel Graftera untuk Belia Asas

Para Belia Asas melalui satu bengkel Graftera untuk melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan yang lebih mendalam mengenai Graftera dan ini dapat membantu mereka untuk membimbing para pelajar di sekolah-sekolah semasa bengkel penyair Marhaen atau 'Heartland Poet.

Februari

Inovasi Sajak @ Pulau Ubin

Inovasi Sajak ialah aktiviti yang memerlukan peserta-peserta untuk menghasilkan sekuntum puisi moden berdasarkan pengamatan dan pengalaman di pulau ubin. Pengamatan dan pengalaman tersebut boleh mengenai kejadian atau peristiwa tentang sesuatu yang berlaku. Peserta boleh memilih untuk menulis sajak mereka berdasarkan ilham atau inspirasi yang datang semasa di pulau ubin untuk diri mereka menghasilkan sebuah karya. Karya-karya yang baik akan dibukukan untuk dokumentasi.

Mac

Santai akademik

Setiap kali menjelang musim peperiksaan, Unit Khas Bahasa Ibunda STP-NIE akan menjemput seorang bekas pelajar unit tersebut untuk berkongsi tentang teknik pembelajaran yang berkesan untuk peperiksaan. Tujuan aktiviti ini ialah supaya pelajar dapat mempelbagaikan teknik pembelajaran mereka ketika mengulangkaji untuk peperiksaan yang bakal menjelang.

April

Inspirasi Gerakan Pena @ Sentosa

Peserta akan bersantai bersama sebatang pena dan sehelai kertas untuk menulis apa sahaja yang melintasi fikir mereka semasa mereka sedang bersantai. Mereka boleh bertukar pendapat, memejamkan mata mereka sebentar untuk menghasilkan inspirasi, melukis dan macam-macam lagi untuk menghasilkan cerpen mereka. Aktiviti ini juga bertujuan untuk mengeratkan persahabatan antara belia-belia melalui perkongsian pengalaman menulis dan sebagainya.

Mei

Jejak Warisan

Jejak warisan pada tahun 2010 akan diadakan sekali lagi tetapi pada kali ini ia akan melibatkan para belia dari luar STP/NIE. Aktiviti ini dapat mengembangkan dan memperkenalkan sayap belia Asas '50 dengan lebih luas lagi dan pada masa yang sama dapat menarik para belia untuk turut serta dalam aktiviti belia Asas '50. Selain itu, Jejak Warisan dapat memperkenalkan budaya, bahasa, dan sastera kepada belia yang ingin mengendali warisan Melayu mereka dengan cara yang lebih menarik.

Jun

Bintang Olimpian

Bintang Olimpian akan diadakan untuk pelajar sekolah rendah dan aktiviti ini merangkumi aktiviti sukan dan ia juga memperkenalkan sastera tradisional seperti cerita binatang, legenda, mitos dan lain-lain kepada pelajar-pelajar tersebut. Selain itu, tujuan aktiviti ini ialah untuk memupuk nilai kepentingan sastera Melayu dalam diri pelajar-pelajar sekolah ini agar mereka dapat menghargai sastera Melayu pada usia mereka masih muda lagi. Selain itu, aktiviti sukan dimasukkan supaya bersempena dengan sukan olimpik belia, YOG 2010.

Julai

Corak sastera

Graffera melibatkan kemahiran melukis seseorang individu. Aktiviti ini memerlukan peserta menghasilkan sekuntum sajak atau memilih sajak penulis-penulis Singapura yang sedia ada dan melukiskan interpretasi mereka tentang sajak itu. Lukisan yang dihasilkan boleh berbentuk grafiti atau gambar. Tujuan aktiviti ini ialah untuk meneroka daya kreativiti seseorang individu itu untuk mengubah sekuntum sajak menjadi lukisan. Karya yang baik akan dibukukan untuk dokumentasi.

Ogos

Gema Suara Patriotik @ Bukit candu.

Sempena menyambut Hari Kebangsaan Singapura, pertandingan ini mencabar minda peserta untuk menghasilkan gubahan lagu dan lirik yang menarik berkaitan dengan Singapura. Ia dianggap lain daripada yang lain kerana sukar untuk kita mendengar gubahan lagu dan lirik bertemakan patriotik dalam Bahasa Melayu. Justeru, peserta boleh menggunakan kreativiti mereka sendiri untuk menghasilkan gubahan lagu dan lirik patriotik. Lagu tersebut kemudian akan dipertandingkan pada hari santai sastera. Peserta boleh menggunakan alat muzik seperti gitar dan lain-lain lagi mengikut kreativiti masing-masing.

September

Lensa Masyarakat

Para belia akan berjalan-jalan secara santai dengan berkumpul di tempat-tempat yang mempunyai ramai orang seperti di Orchard Road, Esplanade, Raffles Place dan Tampines. Mereka akan membuat pengamatan mereka terhadap masyarakat Melayu di tempat-tempat berikut. Hasil daripada pengamatan itu, mereka dikehendaki untuk melakukan peristiwa yang paling menarik perhatian mereka sepanjang pengamatan secara berkumpul. Selepas setiap kumpulan selesai melakukan pengamatan itu, mereka akan dikehendaki menulis idea-idea mereka secara individu untuk esei kritikan bertemakan masyarakat hasil daripada pengamatan mereka dan lakonan semua kumpulan tadi.

Aktiviti ini bertujuan untuk mendekatkan belia dengan masyarakat Melayu dan mendedahkan mereka kepada budaya dan kehidupan masyarakat Melayu Singapura. Esei kritikan boleh dihantar 2 minggu selepas aktiviti dijalankan dan esei terbaik akan dipilih untuk diterbitkan dalam surat Berita Asas '50.

Oktober

Perjumpaan Hari Raya Aidilfitri

Sempena Hari Raya Aidilfitri, santai sastera akan mengadakan perjumpaan Hari Raya Aidilfitri untuk mengeratkan lagi silaturahim sesama belia Asas, anggota Asas 50, dan belia di luar Asas '50 yang sering melibatkan diri dalam aktiviti Asas '50. Terdapat aktiviti dan persembahan yang akan diadakan pada hari tersebut supaya dapat memeriahkan lagi perjumpaan tersebut. Ia juga bertujuan untuk mengenali belia dengan lebih rapat lagi.

November


Ewah-ewah Budaya

Karnival permainan tradisional akan diadakan di Taman Warisan Melayu supaya dapat disesuaikan dengan karnival permainan yang akan dijalankan. Permainan seperti congkak, capteh, batu serembat, sepak takraw dan lain-lain lagi akan diadakan dan belia-belia yang hadir dapat bermain secara santai beramai-ramai. Selain itu, mereka juga dapat mengenali budaya mereka dengan lebih dekat dan memperhalusi seni permainan tradisional supaya mereka dapat mewakili dan menggerakkan budaya melayu untuk generasi yang akan datang.

Disember

BBQ

BBQ diadakan untuk menyambut kejayaan aktiviti-aktiviti yang sudah dijalankan sepanjang tahun 2010. Ia juga



diadakan untuk mengumpulkan semua belia Asas '50 untuk mendapatkan pendapat dan maklum balas mengenai aktiviti santai sastera yang dijalankan sepanjang tahun 2010. Saranan baru untuk aktiviti santai sastera akan diterima dan dimasukkan ke dalam perancangan aktiviti untuk tahun 2011.